

MANGSA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir dan menyampaikan bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada penerima secara pandu lalu (kiri dan atas).

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pembangunan Masyarakat**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Oktober. - Tiga buah keluarga yang menjadi mangsa kebakaran, di Kampung Burong Pingai Ayer, pada 16 Oktober 2021 lalu menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis penyerahan tersebut diadakan secara pandu lalu (*drive-through*), bertempat di Lobi,

KKBS.

Hadir bagi menyampaikan bantuan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada Dayang Siti Mahirah binti Haji Budin; Wan Zunaidah Ariff binti Mohammed Zain Ariff dan Dayang Aisah binti Haji Metali, pemilik rumah yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di kampung berkenaan.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Kampung Burong Pingai Ayer, Awang Haji Tarip bin

Haji Asgar.

Kejadian kebakaran yang berlaku sekitar jam 9.00 malam pada 16 Oktober lalu telah meranapkan dua buah rumah milik Dayang Siti Mahirah dan rumah yang didiami oleh Wan Zunaidah Ariff. Manakala rumah Dayang Aisah pula mengalami kerosakan disebabkan terkena bahagian api.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah untuk membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana bagi meneruskan kehidupan seharian.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Waktu Kawalan Pergerakan



Semua rakyat dan penduduk dikehendaki berada di kediaman masing-masing pada **jam 8 malam hingga jam 4 pagi** kecuali para petugas kritikal dan pekerja syif malam yang mempunyai kebenaran daripada pihak berkuasa.

Sesiapa yang melanggar arahan ini akan dikenakan **denda kompaun sebanyak**

BND500

kepada pekerja dan majikan pekerja asing. Nama pesalah dan syarikat akan disiarkan dalam media massa.



Sebarang pelanggaran arahan boleh dilaporkan ke Talian 'hotline'
8176148 8166148 8175148 8155148

www.jpm.gov.bn [jpmbrunei](https://www.instagram.com/jpmbrunei)

Persiapkan diri bekalan menuju akhirat



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Oktober. - Sabar merupakan salah satu sifat yang sangat perlu bagi seorang pengusaha, di samping sentiasa membaca Al-Quran dan tidak lupa juga amalkan untuk selalu bersedekah.

Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit dalam ceramahnya menekankan, kita selaku hamba Allah ini agar sentiasa memperbanyakkan amalan sebagai bekalan kita untuk hari pengadilan nanti.

Berceramah pada Majlis Maulidur Rasul tahun ini, yang diadakan secara maya, Awang Haji Khairul Nazif juga mengongsikan beberapa amalan yang disarankan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam kepada para sahabat juga berkesempatan berkongsi pengalamannya yang berkecimpung sebagai pengusaha yang tidak lepas daripada pelbagai cabaran.

Oleh Yang demikian, beliau menekankan agar kita selalu memohon doa dan perlindungan diri juga perniagaan agar terhindar daripada hasad dengki,

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) antara yang menyertai ceramah pada Majlis Maulidur Rasul, yang diadakan secara maya tersebut.

termasuk perbuatan aniaya daripada manusia yang iri dan berhati jahat.

Hadir menyertai acara tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abd. Hamid @ Sabli bin Haji Arshad selaku Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB).

Yang Berhormat berucap, antara lain berharap semoga dengan adanya hasil usaha mengadakan majlis ilmu sebegini, bukan sahaja menjana kecintaan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Juga hadir, Ahli-ahli Dewan Majlis, pihak sekretariat juga ahli keluarga para Ahli Dewan Majlis.

Produk jus epal jenama Ceres ditarik balik

Siaran Akhbar : Autoriti Makanan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Oktober. - Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFa) ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa Singapore Food Agency (SFA) telah mengeluarkan satu siaran akhbar mengenai produk jus epal, berjenama Ceres, keluaran Afrika Selatan (South Africa) didapati mengandungi Mycotoxin Patulin melebihi had maksimum yang dibenarkan dalam jus buah dan ditarik balik dari pasaran di sana.

Patulin merupakan toksin yang dihasilkan oleh beberapa kulapuk (*mould*) yang berbeza, seperti *Penicillium* dan *Aspergillus*. Ia boleh didapati dalam buah-buahan yang rosak atau buah yang terdapat kulapuk, terutamanya epal.

Jika epal yang tercemar digunakan untuk membuat jus, tahap Patulin yang tinggi mungkin akan dibawa ke produk akhir. Gejala akut pendedahan pada Patulin, termasuk ketoksikan imun badan, *neurotoxicity* dan kemungkinan kerosakan, pada hati, limpa dan buah pinggang.

Produk yang terbahagi ialah Ceres 100% Apple Juice (200ml), tarikh mansuh, pada 14 Jun 2022; dan Ceres 100% Apple Juice (1L), tarikh mansuh, pada 17 Jun 2022. Kedua-dua produk ini merupakan keluaran Afrika Selatan (South Africa).

BDFa telah menghubungi pengimport produk jenama tersebut di Negara Brunei Darussalam dan mengesahkan, bahawa produk tersebut tidak diimport ke negara ini.

BDFa juga ingin memaklumkan sepertimana yang diperuntukkan, di bawah Bab 9 Ceraian (1) Sub-Perenggan (i) Akta (Kesihatan Awam) (Makanan), (Penggagal 182), sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan boleh dipenjara selama lima tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, boleh menghubungi BDFa menerusi talian +673 2237304 atau +673 2237305 atau +673 2237309 (operator) atau +673 2237417 atau faksimile +673 2237467 atau e-mel ke info@bdfa.gov.bn.